

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan peribahasa di bawah.

1. Sebelum membuat sesuatu keputusan, kita perlu berfikir semasak-masaknya supaya dapat memuaskan hati semua pihak, bak kata pepatah,
 - A ingat sebelum kena, berjimat sebelum habis
 - B berjagung-jagung dahulu sementara padi masak
 - C kerana nila setitik, rosak susu sebelanga
 - D ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak
2. Daiyan bagai _____ kerana walaupun baru dua hari dibelikan telefon bimbit oleh ayahnya, namun dia telah merosakkannya.
 - A kera mendapat bunga
 - B tikus jatuh ke kepuk
 - C itik pulang petang
 - D tikus membaiki labu
3. Kesusahan atau kesulitan yang menimpa sesebuah keluarga akan turut dirasakan bersama oleh orang-orang yang rapat dengan mereka.
 - A Bagai mencurahkan air ke daun keladi
 - B Ibarat seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit
 - C Biduk lalu kiambang bertaut
 - D Cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
4. Peribahasa berikut berkaitan dengan tindakan terburu-buru, **kecuali** ...
 - A nasi sudah menjadi bubur
 - B sudah terhantuk, baru tengadah
 - C sediakan payung sebelum hujan
 - D mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

5. Peribahasa yang ada kaitan dengan memperoleh keuntungan secara tiba-tiba ialah ...

A bagai bulan dipagari bintang	C bagai ayam disambar helang
B bagai pungguk rindukan bulan	D bagai bulan jatuh ke riba
6. Walaupun Haziq yang bertungkus-lumus menyiapkan projek berkumpulan tersebut, namun rakannya Afiq yang dipuji oleh pensyarah mereka. Keadaan tersebut bak kata pepatah ...

A ayam terlepas tangan bau tahi	C lain lubuk lain ikannya
B lembu punya susu sapi dapat nama	D ayam disambar helang
7. Peribahasa yang bukan menggambarkan sesuatu situasi atau keadaan yang genting ialah ...

A abu di atas tunggul	C menahan lukah di pergentingan
B telur di hujung tanduk	D embun di hujung rumput
8. Ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.
Peribahasa di atas membawa maksud ...

A orang yang mudah terpengaruh dengan khabar angin	C orang yang sentiasa dipersalahkan dalam sesuatu masalah
B orang yang berilmu pengetahuan bersikap merendah diri	D orang yang kewujudannya tidak disedari oleh orang lain
9. Zarina menyesal tidak belajar bersungguh-sungguh sehingga gagal memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

A Hari tidak selamanya panas	C Pahit dahulu, manis kemudian
B Bagai layang-layang putus tali	D Nasi sudah menjadi bubur
10. Peribahasa berkaitan dengan usaha yang gigih akan membuahkan hasil ialah ...

A ringan tulang	C berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
B di mana ada kemahuan di situ ada jalan	D sehari selembat benang lama-lama menjadi kain